



# PERATURAN AM SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

## KANDUNGAN

<b>Perkara 1: Nama, Tempat dan Tarikh Kejohanan</b>	<b>2</b>
<b>Perkara 2: Maklumat Am dan Objektif</b>	<b>2</b>
<b>Perkara 3: Pematuhan Peraturan</b>	<b>2</b>
<b>Perkara 4: Jenis Sukan</b>	<b>3</b>
<b>Perkara 5: Syarat Am Penyertaan</b>	<b>3</b>
<b>Perkara 6: Bilangan Pegawai dan Pemain</b>	<b>5</b>
<b>Perkara 7: Pertandingan</b>	<b>7</b>
<b>Perkara 8: Format Penentuan Kumpulan</b>	<b>7</b>
<b>Perkara 9: Pakaian Pemain</b>	<b>12</b>
<b>Perkara 10: Perlawanan Dihentikan dan Ditunda</b>	<b>12</b>
<b>Perkara 11: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir</b>	<b>14</b>
<b>Perkara 12: Peraturan/Corak Pertandingan</b>	<b>15</b>
<b>Perkara 13: Kemudahan</b>	<b>15</b>
<b>Perkara 14: Akujanji Pasukan dan Peserta</b>	<b>16</b>
<b>Perkara 15: Insuran</b>	<b>16</b>
<b>Perkara 16: Bantahan</b>	<b>16</b>
<b>Perkara 17: Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan</b>	<b>17</b>
<b>Perkara 18: Hadiah</b>	<b>17</b>
<b>Perkara 19: Keadaan Luar Jangka</b>	<b>17</b>
<b>Perkara 20: Yuran Penyertaan</b>	<b>18</b>

## **PERATURAN AM**

### **SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA**

### **SBAM KEDAH 2023**

#### ***Perkara 1: Nama, Tempat dan Tarikh Kejohanan***

1. Kejohanan ini dinamakan SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA (SBAM KEDAH 2023).
2. Kejohanan ini berkonsepkan Perkampungan Sukan di mana semua pemain wajib menginap di tempat yang disediakan.
3. Kejohanan ini akan diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah bermula pada 24 hingga 27 Ogos 2023 di Negeri Kedah Darul Aman.

#### ***Perkara 2: Maklumat Am dan Objektif***

1. Kejohanan ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan satu aktiviti rekreasi dan riadah disamping sebagai satu platform merapatkan hubungan sesama agensi Bekalan Air Se-Malaysia khususnya melalui penglibatan aktiviti sukan.
2. Agensi-agensi Bekalan Air Se-Malaysia dan yang berkaitan akan dijemput untuk menyertai karnival sukan ini.

#### ***Perkara 3: Pematuhan Peraturan***

Kejujuran dan keikhlasan mematuhi segala undang-undang dan peraturan SBAM KEDAH 2023 adalah menjadi tanggungjawab dan tertanggungjawab kepada semua kontinen, pasukan, pegawai dan pemain.

#### **Perkara 4: Jenis Sukan**

- |                           |                      |
|---------------------------|----------------------|
| i. Bola Sepak 9 Sepasukan | vii. Karom           |
| ii. Bola Jaring           | viii. Bola Tampar    |
| iii. Badminton            | ix. Tenpin Boling    |
| iv. Sepak Takraw          | x. Ping Pong         |
| v. Sepak Raga Tuju        | xi. Tarik Tali       |
| vi. Dart                  | xii. Golf (Jemputan) |

#### **Perkara 5: Syarat Am Penyertaan**

Semua Kakitangan Agensi-agensi Bekalan Air Se-Malaysia yang membawa maksud:

1. Peserta-peserta mestilah terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Agensi-agensi Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Peserta-peserta hendaklah sedang berkhidmat sekurang-kurangnya 3 bulan daripada tarikh kejohanan. Jawatankuasa Kejohanan berhak membuat semakan Kad Pengenalan, ID pekerja dan nombor KWSP untuk mengesahkan kesahihan status kakitangan serta caruman majikan sekurang-kurangnya 3 bulan daripada tarikh kejohanan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kelancaran kejohanan serta mengesahkan hanya pegawai dan kakitangan yang layak sahaja mewakili kontinjen tersebut.
3. Pemain-pemain yang pernah atau sedang mewakili pasukan Kelab, Negeri dan Negara bermula 01 Januari 2023 di kejohanan sukan peringkat kebangsaan yang diiktiraf oleh badan-badan sukan berkenaan adalah tidak layak bermain di kejohanan SBAM KEDAH 2023.
4. Mana-mana kontinjen yang menurunkan peserta yang disahkan tidak layak akan dibatalkan penyertaan oleh Jawatankuasa Kejohanan. Semua keputusan pertandingan yang telah berlangsung membabitkan keputusan akan dibatalkan dan disusuli dengan tindakan penggantungan pasukan tersebut untuk perlawanan seterusnya.

5. Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar satu pasukan untuk satu jenis sukan sahaja.
6. Setiap kakitangan boleh mengambil lebih daripada satu acara sukan yang dipertandingkan dan tertakluk kepada format permainan yang ditetapkan bagi setiap permainan. Walaubagaimanapun pihak penganggar tidak bertanggungjawab sekiranya jadual perlawanan pemain terlibat bertindih.
7. Bagi permainan yang melibatkan pemain veteran (Bola Sepak dan Bola Jaring), kelayakan untuk pemain veteran adalah berumur 40 tahun dan ke atas iaitu lahir pada tahun 1983 ke bawah.
8. Kakitangan yang berkhidmat dengan anak syarikat agensi utama tidak dibenarkan menyertai.
9. Jika penyertaan di dalam sesuatu permainan kurang daripada 5 penyertaan, sukan tersebut tidak akan dipertandingkan.
10. Semua kontinjen perlu menghantar borang pengesahan penyertaan permainan melalui email rasmi kejohanan: [sbamkedah2023@sada.com.my](mailto:sbamkedah2023@sada.com.my) selewat-lewatnya pada 14 Februari 2023 dan pembayaran yuran penyertaan SBAM KEDAH 2023 selewat-lewatnya pada 03 April 2023 (rujuk Perkara 20).
11. Pendaftaran pemain boleh dibuat bermula 01 Mei 2023 sehingga 30 Jun 2023. Pertukaran pemain selepas 30 Jun 2023 akan dikenakan caj sebanyak RM100.00/individu bagi setiap kali pertukaran dipohon dan tarikh akhir dibenarkan sehingga 20 Ogos 2023.
12. Bayaran yuran penginapan kontinjen boleh dibuat bermula pada 03 Julai 2023 sehingga 17 Julai 2023.
13. Semua kontinjen perlu membuat pendaftaran pemain secara online selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023.
14. Keputusan Jawatankuasa Kejohanan adalah muktamad.

### Perkara 6: Bilangan Pegawai dan Pemain

Bilangan pegawai dan pemain mengikut jenis-jenis sukan adalah seperti berikut.

BIL	ACARA SUKAN	KATEGORI	P	BILANGAN PEMAIN			JUMLAH
				L	W	S	
1.	Bola Sepak	<b>Berpasukan</b> 9 Sebelah	2	9	-	5	<b>16</b>
2.	Bola Jaring	<b>Berpasukan</b> 7 Sebelah	2	-	7	4	<b>13</b>
3.	Badminton	<b>Berpasukan</b> Beregu Lelaki A Beregu Lelaki B Beregu Campuran	2	5	1	2	<b>10</b>
4.	Sepak Takraw	<b>Interegu</b> Regu A Regu B	2	6	-	4	<b>12</b>
5.	Sepak Raga Tuju	<b>Interegu</b> Regu A Regu B	2	6	-	2	<b>10</b>
6.	Dart	<b>Berpasukan</b> Beregu Lelaki A Beregu Lelaki B Beregu Campuran	2	5	1	2	<b>10</b>
7.	Karom	<b>Berpasukan (L)</b> Perseorangan Beregu A Beregu B	2	5	-	2	<b>9</b>
8.	Bola Tampar	<b>Berpasukan</b> 6 sebelah	2	6	-	4	<b>12</b>

BIL	ACARA SUKAN	KATEGORI	P	BILANGAN PEMAIN			JUMLAH
				L	W	S	
9.	Tenpin Boling	<b>Berpasukan</b>  2 Trio Campuran Trio A (2L&1W) Trio B (2L&1W) Beregu  Campuran 1L & 1W  Individu Lelaki & Wanita	2	6	4	-	<b>12</b>
10.	Ping Pong	<b>Berpasukan</b> Beregu Lelaki 1 Beregu Lelaki 2 Beregu Campuran	2	5	1	2	<b>10</b>
11	Tarik Tali	<b>Berpasukan</b> 8 Sebelah	2	8	-	4	<b>14</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>22</b>	<b>61</b>	<b>14</b>	<b>31</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>22</b>	<b>61</b>	<b>14</b>	<b>128</b>

P-Pegawai L-Lelaki W-Wanita S-Simpanan

## **Perkara 7: Pertandingan**

Format pertandingan

- Peringkat kumpulan (liga)
- Suku Akhir
- Separuh Akhir
- Akhir
- Tempat ketiga & keempat tidak akan dipertandingkan.

## **Perkara 8: Format Penentuan Kumpulan**

Format bagi sistem liga adalah seperti berikut:

BIL	JUMLAH PASUKAN	JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN
1	5	5
2	6 - 8	3,3 / 3,4 / 4,4
3	9	3,3,3
4	10	3,3,4
5	11	3,4,4
6	12	3,3,3,3
7	13	3,3,3,4
8	14	3,3,4,4
9	15	3,4,4,4
10	16 atau lebih	4,4,4,4

1. Cara Bermain 5 pasukan
  - a) Permainan akan dimainkan secara liga satu kumpulan sahaja.
  - b) Pemenang akan dikira mengikut kiraan mata untuk kedudukan satu hingga keempat.
  - c) Pusingan Kalah Mati tidak akan dipertandingkan
2. Cara 2 Kumpulan Dengan 6 Hingga 8 Pasukan
  - a) Pusingan Awal.


- b) Sekiranya 8 pasukan atau kurang mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada 2 Kumpulan (A dan B) dan pertandingan akan dijalankan secara Liga.
- c) Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya 2 pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.
- d) Pusingan Separuh Akhir  
Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan dimainkan seperti berikut:
- i. Johan Kumpulan A akan melawan Naib Johan Kumpulan B
  - ii. Johan kumpulan B akan melawan Naib Johan Kumpulan A
- e) Pusingan Akhir.
3. Cara 3 Kumpulan dengan 9 Pasukan
- a) Pusingan Awal.
- b) Sekiranya penyertaan terdiri dari 9 pasukan, pertandingan akan dijalankan secara Liga 3 Kumpulan (A, B, dan C).
- c) Pusingan Suku Akhir.
- i. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan adalah layak untuk memasuki Pusingan Suku Akhir.
  - ii. 2 pasukan lagi (dikenali sebagai Pasukan Pertama dan Pasukan Ke-2) dipilih berdasarkan seperti berikut:
    - 2 pasukan tempat ke-3 di dalam kumpulan (A, B, dan C) yang mendapat jumlah mata terbanyak akan layak ke pusingan seterusnya.
    - Jika didapati mata yang sama, maka dikira pasukan yang mempunyai perbezaan jaringan yang lebih.

- Sekiranya terdapat perbezaan jaringan yang sama, maka akan dikira pasukan yang mempunyai jaringan terbanyak.
  - Sekiranya terdapat perbezaan jaringan yang sama, maka pasukan yang mendapat jaringan kena yang sedikit.
  - Jika masih didapati sama juga, maka keputusan akan ditentukan dengan sekali sahaja lambungan syiling.
- iii. Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir dijalankan secara Kalah Mati.
4. Cara 3 Kumpulan Dengan 10 Pasukan
- a) Pusingan Awal.
    - i. Setiap kumpulan akan dibahagikan kepada 3 kumpulan (A, B dan C). Kumpulan A dan kumpulan B mengandungi 3 pasukan dan kumpulan C akan mengandungi 4 pasukan.
    - ii. Jika salah satu pasukan dalam kumpulan 3 menarik diri maka pasukan yang terakhir dalam kumpulan 4 pasukan secara sendiri mengambil tempat pasukan yang menarik diri tadi.
    - iii. Jika 2 pasukan menarik diri, hanya 2 kumpulan akan dibuat dan undian semula akan dilakukan (rujuk perkara 8.2).
  - b) Pusingan Suku Akhir
- 8 pasukan seperti berikut akan dipilih untuk bertanding dalam pusingan suku akhir.
- i. 3 pasukan yang terdiri dari Johan, Naib Johan dan tempat ke 3 dari kumpulan C.
  - ii. 2 pasukan terdiri dari Johan dan Naib Johan dari setiap kumpulan 3 pasukan.
  - iii. 1 pasukan 'dikenali sebagai Pasukan Pilihan' dipilih dari 2 pasukan yang kalah dari kumpulan A dan B berdasarkan syarat berikut:
    - Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak.

- Jika didapati mata yang sama, maka dikira pasukan yang mempunyai perbezaan jaringan yang lebih.
  - Sekiranya terdapat perbezaan jaringan yang sama, maka akan dikira pasukan yang mempunyai jaringan terbanyak.
  - Sekiranya terdapat perbezaan jaringan yang sama, maka pasukan yang mendapat jaringan kena yang sedikit.
  - Jika masih didapati sama juga, maka keputusan akan ditentukan dengan 1 kali sahaja lambungan syiling.
- c) Semua pertandingan peringkat Separuh Akhir dan Akhir dijalankan secara Kalah Mati.
5. Cara 3 Kumpulan Dengan 11 Pasukan
- a) Pusingan Awal
    - i. Pasukan akan dibahagikan kepada 3 kumpulan (A, B dan C).
    - ii. Kumpulan A mengandungi 3 pasukan dan kumpulan B dan kumpulan C akan mengandungi 4 pasukan yang akan ditentukan melalui undian (3, 4, 4).
    - iii. Jika salah 1 pasukan dalam kumpulan 3 pasukan menarik diri maka pasukan yang terakhir dalam kumpulan 4 pasukan secara sendiri mengambil tempat pasukan yang menarik diri tadi.
  - b) Pusingan Suku Akhir
    - i. 8 pasukan seperti berikut akan dipilih untuk bertanding dalam Pusingan Suku Akhir.
    - ii. 3 pasukan yang terdiri dari Johan, Naib Johan dan tempat ke 3 dari kumpulan B dan C.
    - iii. 2 pasukan yang terdiri dari Johan dan Naib Johan dari kumpulan A.
  - c) Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir dijalankan secara Kalah Mati.
6. Cara 4 Kumpulan Dengan 12 Pasukan hingga 16 Pasukan

- a) Pusingan Awal
  - i. Pasukan akan dibahagikan kepada 4 kumpulan (A B, C dan D).
  - ii. Jika salah satu pasukan dalam kumpulan 3 pasukan menarik diri maka 2 pasukan yang terakhir akan diundi untuk masuk ke kumpulan lain.
  - iii. Pusingan Suku Akhir.
  - iv. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan layak untuk ke peringkat Suku Akhir.

- b) Susunan perlawanan



- c) Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir dijalankan secara Kalah Mati.
7. Undian Dan Jadual Pertandingan
- a) Undian semua pasukan akan dibuat untuk menentukan kumpulan.

- b) Susunan jadual pertandingan akan dibuat oleh Jawatankuasa Kejohanan Pertandingan yang berkenaan mengikut format dan undang-undang acara sukan yang ditetapkan.

### **Perkara 9: Pakaian Pemain**

1. Nombor-nombor pada jersi hendaklah sama dengan nombor-nombor yang didaftarkan Peraturan Kod Pakaian jenis permainan berkenaan.
2. Pakaian sukan hendaklah bersesuaian dengan acara sukan yang dipertandingkan.
3. Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil perlawanan, pasukan yang namanya tercatat sebagai pasukan Tuan Rumah kekal dengan warna jersi sediaada manakala pasukan yang tercatat sebagai Pelawat dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi.  
Walaubagaimanapun, setiap pasukan diminta membawa dua set jersi berlainan warna semasa perlawanan.  
*contoh perlawanan*

<b>Tuan Rumah</b>	<b>LWN</b>	<b>Pelawat</b>
-------------------	------------	----------------

4. Keputusan Jawatankuasa Kejohanan adalah muktamad.

### **Perkara 10: Perlawanan Dihentikan dan Ditunda**

1. Perlawanan dihentikan.  
Jika pengadil menghentikan sesuatu permainan atas sebab-sebab luar jangka atau teknikal atau sebab-sebab yang boleh diterima oleh Ketua Jawatankuasa Kejohanan Pertandingan.
  - a) Perlawanan tersebut boleh dihentikan selama 30 minit atau lebih dan jika permainan boleh dimainkan semula ianya akan disambung mengikut baki jumlah masa permainan.
  - b) Jika perlawanan masih tidak dapat dijalankan selepas 30 minit atau lebih maka Ketua Jawatankuasa Kejohanan akan membuat keputusan

termasuklah meminda jadual pertandingan jika tidak mencatatkan pertandingan tersebut.

- c) Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil berpunca kerana kelakuan pegawai atau pemain sesuatu pasukan yang tidak memuaskan atau melanggar mana-mana peraturan dan pengadil tidak memainkan semula perlawanan tersebut maka pasukan yang menyebabkan permainan tersebut dihentikan akan dikira kalah dan boleh terkeluar daripada pertandingan serta dihadapkan ke Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.
2. Perlawanan ditunda.
- a) Jika sesuatu perlawanan masih belum dimainkan atau semasa permainan dihentikan oleh pengadil dan disambung semula permainan tersebut maka ia hendaklah mengikut keputusan Jawatankuasa Kejohanan acara sukan tersebut.
  - b) Dalam apa jua keadaan sekalipun hanya pengadil mempunyai kuasa mutlak untuk menghentikan atau menunda sesuatu perlawanan.
  - c) Masa permainan seperti yang diletakkan dalam jadual tidak boleh dipinda atau ditunda oleh mana-mana pihak kecuali diputuskan oleh Jawatankuasa Kejohanan.

### **Perkara 11: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir**

1. Menarik Diri Dan Memberi Kemenangan Percuma
  - a) Mana-mana pasukan yang enggan bermain setelah berada di padang/gelanggang permainan adalah dikira memberi kemenangan percuma dan pasukan tersebut akan dikenakan Tindakan
    - i. Pasukan yang enggan bermain akan dikira kalah dan tiada mata.
    - ii. Jika masih enggan bermain pada perlawanan berikutnya, pasukan tersebut akan terkeluar daripada pertandingan.
    - iii. Apa-apa tindakan tatatertib yang melibatkan perlawanan tersebut akan ditentukan oleh undang-undang dan peraturan sukan tersebut.
  - b) Mana-mana pasukan yang gagal meneruskan permainan dengan apa jua sebab sekalipun adalah dikira memberi kemenangan percuma dan pasukan tersebut akan dikenakan tindakan
    - i. Pasukan yang gagal meneruskan permainan akan dikira kalah dan tiada mata.
    - ii. Mata dan jaringan yang melibatkan pasukan tersebut tidak dikira.
  - c) Jika kedua-dua pasukan enggan meneruskan permainan dalam apa jua sebab sekalipun maka kedua-dua pasukan akan dikenakan tindakan
    - i. Kedua-dua pasukan yang gagal meneruskan perlawanan akan dikira kalah dan tiada mata dan terkeluar dari pertandingan.
    - ii. Mata dan jaringan yang melibatkan pasukan tersebut tidak dikira.
    - iii. Apa-apa tindakan tatatertib yang melibatkan perlawanan dan pasukan tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kejohanan.
    - iv. Gagal atau kelewatan melaporkan diri di padang/gelanggang.
2. Mana-mana pasukan yang gagal melaporkan diri kepada pegawai pertandingan pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam jadual

pertandingan akan dikira kalah dan tiada mata. Pasukan yang satu lagi akan dikira menang.

- a) Jika kedua-dua pasukan gagal melaporkan diri kepada pegawai pertandingan pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam jadual pertandingan akan terkeluar daripada pertandingan.
- b) Walaubagaimanapun, tempoh kelewatan melapor diri pada tarikh dan masa yang ditetapkan adalah dibenarkan selama 15 minit atas sebab dan alasan yang boleh diterima oleh pegawai pertandingan.

### **Perkara 12: Peraturan/Corak Pertandingan**

1. Jawatankuasa Kejohanan SBAM KEDAH 2023 akan menetapkan peraturan dan format pertandingan bagi tiap-tiap jenis permainan yang akan di pertandingan.
2. Semua Undang-undang Permainan (Rules of the Games) adalah mengikut Undang-undang Permainan Antarabangsa bagi sukan yang dipertandingkan. Walaubagaimanapun terdapat beberapa pengubahsuaian format bagi sesetengah permainan oleh Jawatankuasa Kejohanan SBAM KEDAH 2023.
3. Jika terdapat sebarang percanggahan undang-undang dan peraturan permainan, keputusan Jawatankuasa Kejohanan dan Peraturan Am ini hendaklah digunakan dan ianya mengatasi mana-mana undang-undang dan peraturan permainan yang lain.

### **Perkara 13: Kemudahan**

Jawatankuasa Kejohanan bertanggungjawab untuk menentukan masa, tarikh dan penyediaan venue serta peralatan sukan yang berkaitan.

### **Perkara 14: Akujanji Pasukan dan Peserta**

Pegawai dan peserta SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA memberi akujanji tidak akan menuntut sebarang kerugian, kecelakaan, kehilangan harta benda dan nyawa sebelum, semasa dan selepas SBAM KEDAH 2023 kepada Penganjur Kejohanan, Jawatankuasa Kejohanan, Pegawai-Pegawai yang dilantik dan sesiapa yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Kejohanan kecuali seperti yang dilindungi oleh insuran pasukan dan peserta.

### **Perkara 15: Insuran**

Semua kontinjen adalah disyorkan untuk mengambil insuran bagi semua kontinjen yang menyertai Sukan Bekalan Air Se-Malaysia ini.

### **Perkara 16: Bantahan**

1. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Borang bantahan hendaklah diisi dalam Bahasa Melayu dengan mengemukakan bukti-bukti beserta dengan yuran bantahan secara tunai sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja).
2. Yuran bantahan akan dikembalikan jika rayuan tersebut berjaya.
3. Yuran bantahan tidak akan dikembalikan sama sekali sekiranya bantahan tersebut tidak berjaya.
4. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan dalam masa 30 minit selepas perlawanan tamat.
5. Beban bukti adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak yang membuat bantahan.
6. Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan adalah muktamad.

### **Perkara 17: Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan**

1. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan mempunyai keahlian seperti berikut:
  - i. Ketua Jawatankuasa Kejohanan SBAM KEDAH 2023.
  - ii. Penyelaras Teknikal Pertandingan Acara Berkenaan.
  - iii. Ketua Pengadil Acara Sukan Berkenaan .
2. 2 Pengurus Pasukan berkecuali Acara Sukan Berkenaan.
3. Jawatankuasa Bantahan Dan Rayuan akan membuat keputusan berhubung dengan semua masalah-masalah teknikal berkenaan dengan pertandingan ini dan keputusan Jawatankuasa ini adalah muktamad.
4. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan boleh membuat keputusan dengan kehadiran sekurang-kurangnya 3 orang ahli yang mana keputusan dibuat adalah muktamad.

### **Perkara 18: Hadiah**

Hadiah/Pingat untuk SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA (SBAM KEDAH 2023) yang akan disediakan oleh Jawatankuasa Kejohanan adalah seperti berikut:

- Johan (Emas)
- Naib Johan (Perak)
- Ketiga Bersama (Gangsa)

### **Perkara 19: Keadaan Luar Jangka**

Sebarang keadaan luar jangka termasuklah peraturan-peraturan atau perkara yang tidak diliputi oleh peraturan ini, mengenai tafsiran peraturan ini dan sebarang pengecualian peraturan ini adalah terletak hak kepada Jawatankuasa Kejohanan SBAM KEDAH 2023 yang mana keputusan adalah MUKTAMAD.

### **Perkara 20: Yuran Penyertaan**

1. Setiap kontinjen akan dikenakan yuran penyertaan pertandingan sebagaimana berikut:
  - i. Yuran penyertaan kontinjen : RM10,000.00 / kontinjen
  - ii. Yuran penginapan (Perkampungan Sukan) : RM38.00 / Individu (sehari)
  - iii. Yuran penyertaan kategori jemputan (Golf) : RM200.00 / individu
2. Bayaran boleh dibuat melalui saluran Perkhidmatan Perbankan ke akaun seperti berikut:

KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI

SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

(No. Akaun: 02011010116209)

Maklumat pembayaran perlu dikemukakan pada hari yang sama kepada Bendahari SBAM KEDAH 2023, melalui emel [sbamkedah2023@sada.com.my](mailto:sbamkedah2023@sada.com.my). Resit bayaran hanya akan dikeluarkan bagi bayaran yang telah disahkan terima beserta maklumat bayaran yang lengkap dikemukakan.

### **Pengerusi Jawatankuasa Kerja**

**SBAM KEDAH 2023**